

Motif Ragam Hias Kalong, Sarawak

The Motifs of Kalong in Sarawak

Lydia Patrick Padri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Intan Khasumarlina Mohd Khalid

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Harozila Ramli

Universiti Pendidikan Sultan Idris

harozila@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian berkaitan ragam hias *Kalong* pada rumah persemadian suku kaum Kenyah Uma Kulit, Sarawak ini akan memberi fokus terhadap penggunaan *Kalong* yang dihasilkan oleh suku kaum Kenyah Uma Kulit di samping meneroka tentang makna dan falsafah yang terkandung di sebalik penggunaannya dari perspektif kepercayaan tradisi. Secara umumnya, kesenian dalam masyarakat Kenyah tradisional banyak menjurus kepada kepercayaan mistik dan alam ghaib dan mempunyai interaksi yang baik sesama manusia dan alam. Kajian kualitatif ini berdasarkan data-data yang dikumpul dalam bentuk perkataan, sumber majalah, keratan-keratan akhbar dan jurnal-jurnal hasil penulisan pengkaji-pengkaji barat dan tempatan serta lain-lain rekod rasmi. Di samping itu juga, kaedah temu bual dengan responden-responden yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada empat orang daripada kalangan suku kaum Kenyah Uma Kulit itu sendiri juga menyokong kajian ini. Penemuan dan interpretasi yang dibuat akan dapat menjelaskan mengenai makna penggunaan motif-motif *Kalong* yang diaplikasikan pada rumah-rumah persemadian ini dengan lebih tepat lagi. Kajian ini juga dapat mengenal pasti beberapa penggiat yang terlibat dalam menghasilkan karya *Kalong* serta menjelaskan tentang makna dan falsafah serta mengenal pasti motif *Kalong* yang menjadi identiti kaum Kenyah.

Kata Kunci motif, ragam hias, kalong, masyarakat Kenyah

Abstract

This research is about the decoration on the mortuary of the tribe of the Kenyah Uma Kulit in Sarawak. It focuses on the use of the bat motifs, whose meaning and philosophy in the perspective of traditional beliefs are also explored. In the Kenyah

communities traditional arts are related to mystical and supernatural beliefs. Human beings and nature are believed to interact in harmony. This is a qualitative study in which data are collected, interviews jotted, articles in magazines, newspapers, journals, written by local as well as foreign researchers, and official records are gleaned. Four respondents from the Kenyah tribe are randomly interviewed to help verify the data. These are interpreted to see the significance of the mortuary as an appropriate place of rest. A number of carvers are identified who shed light on the bat motifs that embody the Kenyah identity.

Keywords motif, ornaments, 'kalong', 'Kenyah' society

PENGERTIAN RAGAM HIAS

Ragam hias merupakan bahasa yang mengkomunikasikan pemikiran, cita-cita dan harapan hidup, serta simbol-simbol yang bermakna. Menurut Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed & Radiah Yusoff (2009), hiasan dan ragam hias ialah keperluan untuk mengindahkan, melengkapkan seni fungsi berkenaan, menyenangkan pembuat dan pengguna serta yang menyebabkan sesuatu artifak mengikat antaranya dengan artifak berkenaan. Ini menjelaskan bahawa ragam hias memiliki corak, warna serta bentuk yang beragam yang mengandungi makna dan falsafah tertentu kepada sesebuah masyarakat pembuatnya. Pada dasarnya ragam hias ini sebagai perlambangan sikap, keinginan dan lingkungan pemikiran masyarakatnya kerana ragam hias seperti apa pun bentuknya, merupakan salah satu tayang kepuasan rohani manusia yang tidak bisa ditawar-tawar lagi (Dedi Suardi, 2000).

Sifat Ragam Hias

Ragam hias terdiri daripada pelbagai jenis motif. Ragam hias dapat dikelaskan kepada ragam hias naturalistik dan ragam hias stilistik (gaya). Manakala berdasarkan kepada elemen penciptaannya, ragam hias dapat dikategorikan kepada ragam hias geometri, flora atau tumbuh-tumbuhan, makhluk hidup iaitu yang terdiri daripada binatang dan manusia dan pelbagai jenis dekoratif. Motif-motif itulah yang digunakan sebagai penghias sesuatu yang akan dihias (Herni Kusantati, 2007).

Manakala, ragam hias stilistik (gaya) pula merupakan ragam hias yang penciptaan dan pembentukan motifnya adalah berdasarkan kepada pengayaan terhadap elemen asas yang menjadi sumber rujukannya. Bentuk ragam hias ini lazimnya kelihatan berbeza daripada objek yang digambarkannya. Misalnya, gambaran bunga teratai yang dijadikan rujukan kelihatan berbeza dan tidak mudah dikenali seperti bunga teratai yang sebenar, kecuali pada bahagian-bahagian signifikan tertentu yang menjadi penandanya (Guntur, 2004, hlm. 40).

Fungsi Ragam Hias

Guntur (2004), menyatakan bahawa ragam hias dalam kehidupan masyarakat tidak hanya berfungsi sebagai elemen penghias benda-benda seperti perkakas, peralatan, perabot dan binaan, tetapi juga memiliki fungsi lain seperti fungsi suci, simbolik dan

fungsi sosial. Heinz Frick (1994), dalam bukunya yang berjudul Pola Struktural dan Teknik Bangunan Indonesia, menjelaskan bahwa banyak artifak peninggalan masa lampau diberi hiasan, selain digunakan sebagai lambang dan simbol tertentu sebagai representasi atau perwakilan yang berkaitan dengan ritual keagamaan.

Jenis-Jenis Kalong Masyarakat Orang Ulu

Motif *Kalong* masyarakat Orang Ulu biasanya membawa simbol atau melambangkan sesuatu maksud yang baik berdasarkan legenda, falsafah, sejarah dan tradisi. Motif simbolik ini mempunyai pertalian mistik yang terletak pada persamaan di antara perkataan yang ditentukan pada setiap nama objek. Motif-motif itu dipilih mengikut aspek kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Orang Ulu terhadap alam semulajadi. Motif-motif *Kalong* masyarakat Orang Ulu secara umumnya dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu flora, fauna dan manusia serta kosmos.

Flora

Motif yang berasaskan tumbuh-tumbuhan banyak digunakan dalam ragam hias *Kalong* masyarakat Orang Ulu. Ragam hias tumbuh-tumbuhan pada umumnya dimaksudkan untuk menggambarkan keindahan alam dan banyak dihubungkan dengan fungsi keagamaan dan fungsi keindahan. Ragam hias jenis tumbuh-tumbuhan adalah jenis ornamen yang menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai pembentuknya. Menurut Guntur (2004), untuk menyusun atau membuat ornamen yang elemen dasarnya tumbuhan dapat dilakukan dengan meniru (*naturalistic*) atau menggayakan (*stylization*) tumbuhan yang dirujuknya. Lazimnya motif-motif yang digunakan adalah terdiri daripada bahagian batang, daun, bunga, buah dan pucuk pohnnya.

Ragam hias tumbuhan pada dasarnya merupakan penggambaran dan pengembangan cara menggayakan batang, cabang-cabang, dahan-dahan, daun, bunga dan buah dan cara melukiskan akar. Dalam motif *Kalong* masyarakat Orang Ulu, ragam hias menjalar atau ragam hias sulur-suluran banyak digunakan. Ragam hias ini banyak mengalami penggayaan sehingga tidak diketahui dengan pasti apakah bentuk tersebut menunjukkan ragam hias sulur batang atau ragam hias sulur daun. Ini kerana bentuk daun dan batang telah digayakan sehingga menyerupai batang-batang yang menjalar dan sambung-menyambung. Ragam hias tumbuhan menjalar adalah melambangkan kerjasama, perpaduan dan kedamaian. Motif *Kalong* dalam masyarakat Orang Ulu yang berunsurkan flora atau tumbuhan terdiri daripada:

- *Kalong Kelawit-Kawit* (motif salur paut)
- *Kalong Kayu Aren / Tree of Life* (motif pokok)
- *Kalong Penat* (motif akar menjalar)

Kalong Kelawit-Kawit (Sulur Paut)

Motif flora yang diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan dikenali sebagai ukiran salur paut. Motif ini dipanggil sebagai *Kalong Kelawit-kawit* (Gambar 1). Setiap motif

tradisi Orang Ulu lazimnya memiliki sifat-sifat tersebut dan digunakan secara meluas oleh para pelukis Orang Ulu. Motif *Kalong Kelawit-kawit* memiliki bentuk seperti salur paut tumbuhan sama ada berdahan ataupun dipautkan pada mana-mana bahagian motif berkenaan (Ganjing Augustine, 1991, hlm.127).

Motif ini lazimnya tidak digunakan secara berdiri sendiri iaitu akan digabungkan dengan motif utama dalam sesuatu corak motif kerana peranannya dalam menyeimbangkan ruang agar sesuatu motif berkenaan tidak kelihatan kosong. Menurut Mashman Valerie (1989) dalam *The Sarawak Museum Journal* yang bertajuk *Ethnic Arts and Society-An Orang Ulu Study* menjelaskan bahawa penggunaan motif *Kelawit-Kawit* dalam penghasilan sebuah motif ukiran adalah sangat penting kerana peranannya sebagai pelengkap kepada motif-motif utama seperti motif *Kalong Kelunan* (manusia), *Kalong Aso* (anjing), *Kalong Tebenggang* (burung enggang) dan sebagainya agar motif utama tidak kelihatan kosong. Motif ini boleh dipakai oleh semua golongan kerana ia tidak membawa simbol tertentu, tetapi hanya sekadar perhiasan. Selain itu, menerusi dapatan kajian penyelidik terhadap rumah-rumah persemadian suku kaum Kenyah Uma Kulit di Kampung Sg. Asap Sarawak, ukiran *Kalong Kelawit-Kawit* banyak digunakan untuk menghiasi rumah-rumah persemadian tersebut.




Gambar 1 Motif *Kalong Kelawit-Kawit* yang digunakan bersama motif utama untuk memenuhi ruang kosong pada sesuatu corak motif

Kalong Kayu Aren / Tree of Life (Motif Pokok)

Motif *Kayu Aren* (pokok kehidupan) atau lebih popular dengan gelaran ‘*The tree of life*’ ini diilhamkan daripada pemerhatian ke atas Pokok Ara (Gambar 2). Motif ini lazimnya diukir pada dinding hadapan bilik ketua rumah panjang. Motif ini mendapat gelaran ‘Pokok kehidupan’ berdasarkan kepada bentuk lukisan *kalong* itu sendiri yang dihiasi dengan pelbagai jenis binatang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan iaitu yang melambangkan sifat saling bergantungan dalam kalangan penduduk dalam usaha untuk mewujudkan kumpulan masyarakat yang seimbang, harmoni dan kuat (Jeffrey Jalong, 2001, hlm. 19).

Selain itu, lagenda turut menceritakan bahawa lukisan *Kalong Kayu Aren* bermula dengan perkataan asal iaitu *maren* yang bermaksud kelas bangsawan dalam status

sosial masyarakat Orang Ulu. Oleh yang demikian, motif ini adalah sebagai tanda bahawa ketua rumah panjang tersebut ialah seorang ketua yang bijaksana serta berkemampuan untuk membimbing anak buahnya.



Gambar 2 Motif *Kalong Kayu Aren*

Penat dalam bahasa Kenyah bermaksud ‘tarik’. *Kalong Penat* merujuk kepada motif yang mempunyai sifat-sifat yang selari, seimbang, memanjang dan baik rupa bentuknya (Jeffrey Jalong, 2001, hlm.15). Melambangkan betapa baik dan cantiknya bentuk motif ini, maka masyarakat Orang Ulu telah menciptakan puisi khas untuk menggambarkan motif *Kalong Penat* ini.

“....mekan kepat *kalong penat ale nawan, pat kalong menit urong kalam muran...*”

Terjemahan: baring ke atas tikar, tikar *kalong* yang begitu baik rupanya...

Puisi ini menceritakan mengenai motif *Kalong Penat* yang dianyam pada tikar rotan yang digunakan sebagai tikar untuk baring (tidur) dan *kalong* tersebut kelihatan sungguh baik. Menurut sumber lisan yang diperolehi daripada temu bual pengkaji dengan penggiat *Kalong* di kampung Uma Kulit Sg. Asap, Sarawak, motif *Kalong Penat* mirip kepada bentuk motif *Kalong Kelawit-kawit*. Walau bagaimanapun, motif *Kalong Penat* memiliki sifat ukiran yang menjalar bersama-sama ke semua arah seakan-akan seperti akar yang menjalar memenuhi ruang dalam posisi yang seimbang. Motif *Kalong Penat* jika dilukis pada dinding rumah panjang (Gambar 3) akan dikenali sebagai *Kalong Nding* (ukiran dinding) dan mempunyai persamaan dengan *Kalong Kayu Aren* iaitu mempunyai punca dahan. Konsep keseimbangan yang teliti dalam motif ini membawa kepada maksud persefahaman, perpaduan dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan penduduk kampung.



Gambar 3 *Kalong Nding* (ukiran dinding)

Fauna dan Manusia

Masyarakat Orang Ulu menghasilkan motif *Kalong* yang diilhamkan daripada beberapa jenis haiwan yang dianggap berkuasa iaitu dipercayai dapat menghalau roh-roh atau kuasa jahat yang cuba mengganggu mereka (Jeffrey Jalong, 2001, hlm.12). Haiwan-haiwan ini terdiri daripada ular, naga, anjing, harimau, biawak, burung kenyalang dan udang. Motif-motif yang divisualisasikan daripada bentuk manusia dan haiwan ini mendominasikan ruang dalam bidang seni *Kalong* dalam masyarakat Orang Ulu.

Perkaitan antara kehidupan manusia dengan alam sekitarnya digambarkan dalam adegan perburuan binatang, sebuah pesta adat, bercucuk tanam dan sebagainya. Karya-karya ini lahir atas dasar ungkapan manusia terhadap lingkungan kehidupannya iaitu bagaimana manusia menghargai dan menghormati alam yang telah memberinya kehidupan. Ungkapan perasaan manusia ini bukan hanya mengarah kepada alam, tetapi mengarah pada penghormatan dan penghargaan manusia terhadap sesuatu yang lebih daripada dirinya, bahkan menjadikannya sebagai sebuah hubungan yang mengandungi makna atau nilai yang suci. Seiring dengan perkembangan dan perubahan waktu, pola pemikiran serta pengetahuan manusia mengenai gambaran tentang perjalanan kehidupan nenek moyang ini telah menjadi ragam hias dan motif dengan bentuk manusia dan haiwan yang telah disederhanakan. Terdapat beberapa jenis motif *Kalong* yang diilhamkan daripada bentuk manusia dan haiwan. Antaranya ialah:

- *Kalong Kelunan* (motif manusia)
- *Kalong Lenjau* (motif harimau)
- *Kalong Tebengang* (motif burung kenyalang/enggang)
- *Kalong Kabok* (motif biawak atau cicak)
- *Kalong Udang* atau *Kalong Mata Udang* (motif udang)
- *Kalong Aso'* (kombinasi motif naga dan anjing)
- *Kalong Balan Tana'Lengunan* (naga sungai)

Kalong Kelunan (Motif Manusia)

Motif *Kalong Kelunan* (Gambar 4) banyak digunakan sebagai hiasan pada dinding rumah ketua rumah panjang, alat penggendong bayi, pakaian dan kain sarung wanita serta beberapa peralatan yang lain. Motif ini melambangkan kekuasaan, kekayaan dan kepimpinan yang disegani. Oleh yang demikian, motif ini digunakan sebagai simbol kelas atasan dalam kelas sosial masyarakat Orang Ulu. Hanya golongan atasan atau yang dipanggil sebagai golongan *maren* sahaja yang layak untuk menggunakan motif ini. Menurut Tillema (1938), dalam kalangan bangsa Kenyah yang tinggal di Apo Kayan, hanya wanita dari golongan *maren* sahaja yang dibenarkan untuk memakai motif *Kalong Kelunan*, dan ini diwarisi secara tradisi oleh masyarakat berkenaan kerana hanya wanita daripada golongan *maren* sahaja yang mampu untuk menghindarkan kuasa jahat yang terkandung atau dibawa oleh motif berkenaan.

Kalong Kelunan menurut King (1985), merupakan lambang kepada roh hamba iaitu tawanan perang yang telah dikorbankan dalam upacara tertentu. Menurut kisahnya, motif *Kalong Kelunan* bermula semasa zaman mengayau. Semasa ekspedisi mengayau, pihak yang menyerang akan sedaya upaya untuk mendapatkan kepala pihak lawan dan dalam masa yang sama cuba untuk mendapatkan tawanan perang yang akan dijadikan sebagai hamba oleh golongan *maren* (atasan). Ini kerana dengan memiliki tawanan perang yang dijadikan sebagai hamba merupakan sesuatu yang dianggap berprestij tinggi bagi masyarakat Orang Ulu pada zaman dahulu. Oleh yang demikian, sebagai lambang berprestij ini maka motif manusia akan dilukiskan pada dinding rumah golongan *maren* atau ketua yang menyimpan tawanan perang tersebut.



Gambar 4 Motif *Kalong Kelunan*

Kalong Lenjau (Harimau Dahan/Akar)

Menurut kepercayaan masyarakat Orang Ulu, harimau dahan (*Pardofelis nebulosa*) ialah haiwan yang menjadi raja kepada segala haiwan yang terdapat di dalam hutan. Oleh yang demikian, motif *Kalong Lenjau* tidak boleh dipakai oleh golongan bawahan

kerana motif ini menandakan kepimpinan dan keturunan golongan atasan, iaitu yang menandakan kuasa dan keberanian. Menurut Robert L. Winzeler (2004), menerusi bukunya yang bertajuk *The architecture of life and death in Borneo*, menerangkan bahawa motif harimau dahan (Gambar 5) digunakan sebagai symbol untuk membezakan kedudukan sosial dalam suku kaum Kenyah. Manakala Herbert L. Whittier dan Patricia R. Whittier (1988), dalam artikel *Baby Carriers - A Link Between Social and Spritual Values Among the Kenyah Dayak of Borneo*, juga turut menegaskan bahawa motif harimau dahan merupakan motif yang hanya digunakan oleh golongan atasan.

*“...these motifs are restricted by social rank. The tiger, for example, would only be used by a *deta’u* (highest social ranking) person.”*



Gambar 5 Motif Kalong Lenjau

Motif *Kalong Tebengang* (Gambar 6) lazimnya dilukiskan pada bahagian atas atau tengah pada sesuatu motif dan bersimbolkan burung enggang (*Buceros rhinoceros*). Motif ini selalunya dikaitkan dengan roh atau semangat yang menyampaikan pesanan atau mesej kepada masyarakat Orang Ulu. Menurut Robert L. Winzeler (2004), dalam bukunya *The Architecture of Life and Death in Borneo*:

“...the hornbill is regarded as one form of the chief upper world deity”..


Ini menjelaskan bahawa burung enggang dianggap sebagai ketua dewa dunia kayangan dalam kepercayaan masyarakat Dayak. Manakala Joshua Eliot dan Jane Bickersteth (2002), melalui buku yang berjudul *Malaysia Handbook: The Travel Guide* menjelaskan bahawa masyarakat Dayak menganggap bahawa burung enggang mempunyai kuasa luar biasa dan dilihat sebagai sebuah simbol kepahlawanan. Oleh yang demikian, penggunaan motif burung enggang dalam masyarakat Orang Ulu melambangkan status kebangsawanan seseorang dan lazimnya motif ini hanya dipakai oleh golongan *paren* dan pemimpin sahaja contohnya, hanya terdapat pada rumah atau ruang yang dihuni oleh ketua suku atau pemimpin. Demikian juga halnya dengan rumah persemadian di tempat perkuburan. Sekiranya terdapat patung burung Enggang pada bahagian atas atap bangunan atau rumah persemadian tersebut, maka ini menunjukkan bahawa makam tersebut dimiliki oleh seorang pemimpin atau raja (Ding Lahang, 1996).



Gambar 6 Motif Kalong Tebengan

Kalong Kabok (Motif biawak/cicak)


Nama motif ini diambil sempena nama haiwan biawak (*Varanus rudicollis*). Walau bagaimanapun, motif ini bukan motif biawak (Gambar 7). Menurut sumber lisan dari Long Banyok Baram, Sarawak, motif ini diberi gelaran *Kabok* kerana bentuk lekukannya yang seperti bentuk “S” seolah-olah menggambarkan posisi badan seekor biawak atau cicak yang sedang berjalan (Jeffrey Jalong, 2001, hlm. 19).



Gambar 7 Motif Kalong Kabok

Kalong Udang atau Kalong Mata Udang (Motif Udang)

Motif udang ini merupakan asas kepada pembinaan sesuatu *Kalong* (Gambar 8). Motif ini bermula dengan satu tompok bulatan seolah-olah sebuah mata pada bahagian tengah *Kalong* berkenaan. Dalam penghasilan sesebuah motif *Kalong* sama ada *Kalong Kelunan*, *Kalong Tebengang* dan lain-lainnya harus atau wajib memiliki kombinasi mata *Kalong* (mata motif) iaitu yang juga dikenali sebagai *Kalong Udang*. Menurut kepercayaan lama, orang muda tidak digalakkan sama sekali untuk melukis sesuatu *Kalong* terutamanya *Kalong* yang melibatkan kombinasi *Kalong mata udang*. Jika pantang larang tersebut dilanggar, maka dipercayai penglihatan orang muda tersebut akan terjejas sehingga boleh membawa buta (Jeffrey Jalong, 2001, hlm. 20).



Gambar 8 Motif *Kalong Udang*

Kalong Aso' (Kombinasi Motif Naga dan Anjing)

Motif *Kalong Aso'* merupakan kombinasi dari bentuk naga dan anjing iaitu pada bahagian kepala menyerupai bentuk naga, manakala pada bahagian badannya pula menyerupai bentuk badan anjing (Gambar 9). Bentuk motif *Kalong Aso'* seakan-akan sama seperti motif *Kalong Balan Tana' Lengunan* (naga air). Perbezaan antara motif *Kalong Aso'* dan *Kalong Balan Tana' Lengunan* ini ialah pada bentuk badan *Kalong* nya. *Kalong Aso* mempunyai kepala dan ekor yang dilukis dalam bentuk yang sama dan berulang, manakala bentuk motif *Kalong Balan Tana' Lengunan* pula dilukis dengan hanya mempunyai satu kepala sahaja.

Jika motif *Kalong Aso'* diamati secara mendalam, maka dapat dikenal pasti bentuk naga dan anjing yang seolah-olah sedang berenang. Perpaduan dalam bentuk tersebut adalah simbol atau suatu lambang yang dipercayai memiliki kekuatan untuk menolak kejahanatan. Menurut Sitepu (1996), menyatakan bahawa seni ukir adalah tanda sederhana untuk menolak bala menyangkal roh jahat dan berupa pengobatan. Kenyataan ini menjelaskan bahawa ornamen dan ragam hias tradisional sesebuah masyarakat pendukungnya bukan sekadar untuk hiasan semata-mata, tetapi ia mengandungi falsafah serta simboliknya dalam kepercayaan sesebuah masyarakat tersebut.

Motif *Kalong Aso'* amat diminati oleh masyarakat Orang Ulu kerana motif ini boleh digunakan oleh semua golongan termasuklah daripada golongan kelas sederhana dan bawahan. Selain itu, masyarakat Orang Ulu juga mempunyai kepercayaan bahawa motif *Kalong Aso'* dapat mengawal serta menghindarkan sebarang kuasa jahat yang cuba mengganggu ketenteraman penduduk sesebuah rumah panjang (Jeffrey Jalang, 2001, hlm. 22).




Gambar 9 Motif *Kalong Aso'*

Kalong Balan Tana' Lengunan (Naga Sungai)

Berbeza dengan motif *Kalong Aso'*, motif *Kalong Balan Tana' Lengunan* biasanya dilukis dengan mempunyai sisik pada kakinya serta mempunyai gigi taring yang memanjang keluar. Manakala kepala naga dan ekor dilukis tanpa mengulangi bentuk yang sama seperti motif *Kalong Aso'* (Gambar 10). Ding Lahang (1996), menjelaskan bentuk fizikal naga seperti berikut:

“Naga (lagenda dari China) adalah binatang melata yang bertanduk, berjanggut panjang, bersisik dan sangat besar.”

Pernyataan tersebut menerangkan mengenai gambaran ciri-ciri fizikal naga dari sudut bayangan imaginasi masyarakat Orang Ulu. Sehubungan dengan itu, atas rasa kagum dan taksub terhadap binatang ini, maka bentuk binatang tersebut telah divisualisasikan oleh nenek moyang yang berjiwa seni ke dalam bentuk lukisan yang membawa kepada maksud kebangsawanan seseorang (Ding Lahang, 1996).



Gambar 10 Motif *Kalong Balan Tana' Lengunan*


Kosmos dan Alam

Selain daripada motif yang berunsurkan flora, fauna dan manusia, bentuk motif kosmos atau yang berunsurkan alam juga didapati pada ragam hias motif *Kalong*. Unsur kosmos dan alam yang didapati dalam motif *Kalong* masyarakat Orang Ulu ialah motif yang terdiri daripada:

- *Kalong Tekuket Kiking*
- *Kalong Beliling Bulan* (motif keliling bulan)

Kalong Tekuket Kiking

Motif ini merupakan sebahagian daripada bentuk motif *Kalong Kelawit-Kawit*. Namun, bentuknya seperti putaran air atau lilitan yang panjang atau bersambung-sambung. Terdapat persamaan bentuk seperti motif *Kalong Penat* sebagaimana yang diceritakan oleh mendiang Tusau Padan iaitu seorang artis berbangsa Kenyah yang paling berpengaruh di Sarawak. Beliau dikurniakan dengan bakat yang luar biasa sebagai seorang pelukis, pemuzik, pembuat alat, penari dan pengukir.



Gambar 11 Motif *Kalong Tekuket Kiking*

Kalong Beliling Bulan (Motif Keliling Bulan)

Motif ini merupakan jenis *Kalong* yang tidak mempunyai nilai kelas atasan. Ia merupakan jenis *Kalong* biasa yang boleh digunakan oleh semua orang. Sifat atau bentuk asas *Kalong Beliling Bulan* ialah berbentuk lilit-bulat (*spiral*) seperti bentuk bulan (Gambar 12). Selain itu, bentuknya mudah dilukis kerana ia tidak begitu kompleks sepermata jenis-jenis *Kalong* yang lain.



Gambar 12 Motif *Kalong Beliling Bulan*

Kalong Pada Rumah Persemadian Masyarakat Orang Ulu

Ragam hias pada sesebuah bangunan tradisional adalah berdasarkan kepada falsafah yang terkandung di sebalik simbol-simbolnya yang kompleks. Selain itu, ragam hias juga menunjukkan kedudukan sosial atau status pemiliknya. M. Habib Mustopo (1983), di dalam tulisannya yang bertajuk ‘Ilmu Budaya Dasar’ dalam Kumpulan Esei Manusia dan Budaya menyatakan bahawa seni dalam sesebuah masyarakat sangat berkait rapat dan mempengaruhi kehidupan sosial sesebuah masyarakat tersebut. Penggunaan simbol adalah untuk mengungkapkan kebudayaan mereka. Manakala menurut Koenjaraningrat (1970), bentuk ukiran bermula sejak manusia mulai mengukir dan menggambarkan binatang buruan mereka pada dinding gua, alat keperluan, kepercayaan ghaib dan keagamaan. Akhirnya gambaran dan ukiran tersebut menjadi lambang atau simbol dan dengan evolusi itu, maka timbulah motif perhiasan dalam kesenian manusia. Pernyataan ini menjelaskan bahawa penciptaan motif dalam sesebuah masyarakat pendukungnya adalah berkait rapat dengan situasi kehidupan masyarakat tersebut, baik dari segi kerohanian dan kebudayaan serta interpretasi mereka terhadap alam.

Dalam masyarakat Orang Ulu, seni ukiran *Kalong* bukan sahaja menjadi simbol atau melambangkan identiti seseorang semasa hayatnya, tetapi akan terus mengiringi seseorang itu sehingga ke alam kematian. Rumah persemadian termasuk dalam sesuatu yang penting bagi masyarakat Orang Ulu kerana ia adalah lambang kepada kedudukan sosial pemiliknya semasa hayatnya, selain mencerminkan karakteristik dari hasil kebudayaan sesebuah bangsa.

Lazimnya, motif *Kalong* yang dijadikan sebagai papan tanda di tanah perkuburan Orang Ulu adalah motif *Kalong Kelawit-Kawit* dengan kombinasi unsur-unsur manusia, binatang seperti *aso*, harimau, burung kenyang dan sebagainya. Keadaan ini turut dinyatakan oleh Jeffrey Jalong (2001), dalam bukunya yang berjudul, *Kalong: Seni Motif Tradisi Orang Ulu* iaitu dalam pernyataannya yang merujuk kepada tempat perkuburan masyarakat Orang Ulu di kawasan Baram, Sarawak. Menerusi pemerhatian yang dibuat melalui kajian ini, didapati bahawa masyarakat Orang Ulu di kawasan Kampung Sg. Asap iaitu dalam kalangan suku kaum Kenyah segelintirnya masih menggunakan motif-motif *Kalong* yang bersimbolkan figura manusia dan haiwan dan dikombinasikan dengan motif *Kalong Kelawit-Kawit*. Walaupun telah mengalami proses perpindahan ke tempat yang baru, namun pegangan terhadap budaya tradisi masih lagi kuat dipraktikkan dalam sesetengah individu dalam kalangan masyarakat Orang Ulu di kawasan Kampung Sg. Asap, Sarawak. *Kalong* yang berunsurkan manusia, *Kalong Aso*, dan *Kalong Tebengang* masih boleh dipakai untuk menghiasi keranda si mati dan rumah persemadiannya, lazimnya untuk golongan pemimpin dan keturunan *maren* yang bertujuan untuk menggambarkan status atau kedudukan kelas si mati dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Manusia mempunyai kecenderungan bersuara dan berkarya seni dengan berorientasikan kepada lingkungan dan alam sekitarnya. Lingkungan alam sekitar telah menyediakan banyak sumber inspirasi untuk mewujudkan idea-idea yang boleh digunakan oleh

masyarakat dalam berkarya, manakala budaya memberikan arah kepada masyarakat Kenyah bagaimana untuk berhadapan dengan kesemuanya. Motif ragam hias *Kalong* dalam masyarakat Orang Ulu diilhamkan daripada bentuk tumbuh-tumbuhan, makhluk hidup yang melata baik di darat mahupun di air serta di udara, digubah dan disusun dalam membentuk seni motif yang harmoni.

RUJUKAN

- Dedi Suardi. (2000). *Ornamen Geometris*. Bandung: Rosdakarya.
- Ding Seling, Jayl Langub. (1989). The Orang Ulu: An Overview. *Journal SMJ*, XL, 20.
- Guntur. (2004). *Ornamen, sebuah pengantar*. Surakarta: STSI Press.
- Hasuria Che Omar, N. M., Radiah Yusoff. (2009). *Bahasa verbal dan bukan verbal II: Linguistik, sastera dan peradaban* (1 ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Herni Kusantati. (2007). *Keterampilan*. Bandung: Grafindo Media Pratama.
- H. M. Habib Mustopo. (1983). *Kumpulan eseai manusia dan budaya*. Indonesia: Usaha Nasional.
- Jeffrey Jalong. (2001). *Kalong: Seni motif tradisi orang ulu* (1 ed.). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Joshua Eliot, Jane Bickersteth. (2002). *Malaysia handbook: The travel guide*. UK: Footprint Travel Guides.
- Mashman, V. (1989). Ethnic arts and society – An Orang Ulu study. *The Sarawak Museum Journal*, XL (61),220.
- Tillema, H.F. (1938). *A journey among the peoples of central Borneo in word and picture*. Amsterdam: Van Munsters Vitgevers.
- King, Victor T. (1985). Symbols of social differentiation: A comparative investigation of signs, the signified and symbolic meanings in Borneo. *Antropos Journal*, 80,125-152.